



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 30 APRIL 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FOOD SUPPLY STABLE AND SUFFICIENT: MINISTER, NATION, THE STAR, M/S – 3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FENOMENA 'AIR MATI' PUNCA RUGI RM70,000, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	LAIN – LAIN
3.	GADIS GENERASI Z TIDAK MALU BERTANI, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
4.	RAKYAT KELANTAN TERLIBAT AKTIF DALAM PENTERNAKAN RUMINAN, KELANTAN, HAKAKAH, M/S – 12	
5.	PESAWAH TERHIMPIT, DESAK SEMAK SUBSIDI, HARGA LANTAI, SELANGOR, HAKAKAH, M/S – 17	
6.	ISU PADI: 'TAK NAMPAK ROMBONGAN KERETA HITAM', PERAK, HAKAKAH, M/S – 14	
7.	KHALIL: ZAKAT & WAKAF BOLEH UBAH NASIB PESAWAH, PERAK, HAKAKAH, M/S – 15	
8.	HAKISAN PERLOMBONGAN PASIR JEJAS TANAH PERTANIAN RAKYAT, PERAK, HAKAKAH, M/S – 16	
9.	MENGAPA PESAWAH KEDAH TETAP MAHU BUAT BENDANG?, KEDAH, HAKAKAH, M/S – 6	
10.	PADI FARMERS CONCERNED BY HEATWAVE, NATION, THE STAR, M/S – 11	
11.	PGA RAMPAS 100 EKOR BIRI-BIRI BERNILAI RM120,000, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 19	
12.	PGA RAMPAS 100 BIRI-BIRI RM120,000, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 10	
13.	GUDANG SEJUK BEKU JADI 'TOPENG' SELUDUP DAGING BABI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
14.	IKON TANAMAN CILI PASRAH KEBUN MUSNAH DIJILAT API, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	THE SUN	NATIONAL	3

Food supply stable and sufficient: Minister

KUALA LUMPUR: The country's food supply remains stable for now, with the rice buffer stock reaching 300,000 tonnes, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu. He said that the local production of chicken and eggs was also close to achieving full self-sufficiency.

However, Mohamad said the government remained cautious of challenges from rising costs of animal feed, which still relied on imports, as well as fuel prices.

"For vegetables, there are times when oversupply occurs, causing prices to drop. Consumers are happy, but farmers are under pressure. The government is assisting through planting schedules and contract farming systems. Fish supply, however, is slightly affected due to hot weather and rising costs for fishermen, which is why we are intensifying aquaculture as an alternative," he said in a Facebook post.

Mohamad said the real impact of the global supply crisis was expected to be more pronounced within the next three to six months, especially as the costs of fertiliser, animal feed and fuel rise.

"Food prices may increase slightly, but the government is working to ensure that there is no sharp hike."

He said the government had also taken various measures to help ease the burden on the people, including increasing rice stockpiles, opening new *padi* fields, improving irrigation systems and developing the local corn industry. – Bernama

Fenomena 'air mati' punca rugi RM70,000

SETIU - Tiga pengusaha akuakultur rugi lebih RM70,000 setelah ribuan ikan sangkar seperti siakap putih, siakap merah, tilapia dan kerapu hibrid dibela mereka tiba-tiba mati di Kampung Gong Batu, di sini sejak Sabtu lalu.

Seorang penternak ikan tilapia, Mohd. Nazemi Nawi, 48, berkata, kematian ikan-ikan bermutu tinggi itu dipercayai akibat penurunan kadar oksigen yang berlaku tiba-tiba di muara Sungai Setiu, di sini.

"Ia mungkin disebabkan fenomena 'air mati' atau aliran arus sungai tidak bergerak, setakat ini, sudah lebih 2,300 ekor ikan ternakan saya mati secara berperingkat sejak Sabtu lalu.

"Saya cepat-cepat memasang mesin oksigen pada sangkar sebaik menyedari pe-

nurunan kadar oksigen itu, namun sebahagian ternakan saya tetap gagal bertahan," katanya di sini semalam.

Dia percaya kematian ikan ternakannya dalam skala besar itu disebabkan kebanyakan sangkar ditempatkan di kawasan sungai yang agak cetek.

Seorang lagi penternak ikan, Mat Sim Omar, 52, berkata, kira-kira dua tan ikan siakap putih ternakannya yang sepatutnya sudah boleh dipasarkan minggu depan mati sejak kelmarin.

"Luluh hati saya apabila melihat banyak ikan saya mati sewaktu mahu memberinya makan pada pukul 8 pagi semalam (kelmarin).

"Setakat ini, ikan-ikan siakap yang berada dalam 10 daripada 25 sangkar ikan peliharaan saya gagal diselamatkan," katanya.



MAT SIM (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian ikan dalam sangkar mereka yang mati di Kampung Gong Batu, Setiu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	KOSMO	NEGARA	8

Gadis Generasi Z tidak malu bertani

- Usahakan kebun sayuran dalam ladang sawit, kebun getah
- Dua daripada mereka lulusan diploma UiTM, Jasin

Oleh NOR AINNA HAMZAH

TAMPIN – Tiga rakan baik yang merupakan gadis generasi Z mahu membuktikan usaha mereka membuka kebun sayur boleh mendatangkan pendapatan yang agak baik jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Mereka ialah Nurul Faizah Mazlan, 26, dari Kuala Terengganu, Nurliyana Ismail, 26, dari Segamat, Johor dan , bagi Nurul Syawalni Hazlin, 25, berasal dari Pontian, Johor mengusahakan kebun sayuran seluas 2.02 hektar dalam kawasan ladang sawit serta getah di Kampung Tenai, Gemencheh sejak tiga tahun lalu.

Pada tahun ini, hasil tuaian kebun yang mereka usahakan hampir mencapai separuh sasaran jualan lima angka.

Dua daripada mereka lulusan Diploma Pengurusan Ladang dan Agriteknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jasin, Melaka.

Menurut Nurul Faizah, mereka bermula dengan tanaman secara kecil-kecilan dan selepas itu ada



NURLIYANA (kiri) Nurul Faizah (tengah) dan Nurul Syawalni menunjukkan hasil cili api bara yang diusahakan mereka di Kampung Tenai, Gemencheh semalam.

pelabur yang percaya dengan kepayaan mereka untuk membangunkan projek berkenaan.

“Keluasan kebun adalah 4.04 hektar, namun buat masa ini kami hanya mengusahakan seluas 2.02 hektar.

“Setakat ini kini menuai hasil kira-kira 900 poli beg cili api bara dan 1,300 beg poli timun, selain nekad mahu membuktikan gadis Gen Z tahan tekanan serta tidak memilih pekerjaan,” katanya ke-

tika ditemui di Kampung Tenai, Gemencheh, di sini semalam.

Ujarnya, walaupun perasaan bimbang ada ketika mula-mula mahu mengusahakan kebun ini, tetapi semangat rakan-rakan untuk berjaya menambahkan keyakinan mereka.

Bagi Nurliyana pula, dia tidak sangka idea untuk membuka kebun memberikan kepuasan lebih-lebih lagi apabila tanaman mula mengeluarkan hasil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	KOSMO	NEGARA	8

Menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negeri

Rakyat Kelantan terlibat aktif dalam penternakan ruminan

Oleh RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Kelantan muncul sebagai negeri kedua tertinggi di negara ini selepas Terengganu dari segi bilangan pengusahanya ternakan lembu dan kerbau, sekali gus membuktikan sektor penternakan ruminan terus menjadi antara penyumbang penting ekonomi negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, berdasarkan Banci Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pengusaha ternakan lembu dan kerbau di Kelantan direkodkan seramai 4,825 orang.

Menurutnya, bagi kategori pengusaha kambing dan bebiri pula, jumlah yang direkodkan ialah seramai 2,973 orang.

"Keadaan ini jelas menunjukkan Kelantan berada dalam kelompok negeri teratas di Malaysia dari segi penglibatan rakyat dalam aktiviti penter-



Tuan Mohd Saripudin ketika berucap dalam sesi libat urus dengan pengusaha ternakan ruminan.

nakan ruminan.

"Selain penternak komersial, unjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan turut mengambil kira

penternak kecil-kecilan dan hobi, termasuk penternak lembu sado," katanya ketika merasmikan Sesi Libat Urus BANCAN Ternakan Ruminan

Negeri Kelantan Tahun 2026 di Dewan Gelanggang Seni, di sini.

Menurut beliau, berdasarkan unjuran jabatan, jumlah

keseluruhan penternak ruminan di negeri ini dianggarkan sekitar 32,000 orang.

Tambahnya, angka itu jauh lebih tinggi berbanding data komersial semata-mata dan memberi gambaran sebenar penglibatan rakyat dalam sektor penternakan.

"Ini menunjukkan sektor ternakan ruminan di Kelantan mempunyai potensi besar untuk terus diperkasa melalui perancangan yang lebih tersusun," katanya.

Justeru, ujar beliau, bANCAN yang dilaksanakan amat penting bagi mendapatkan data tepat berkaitan populasi ternakan, lokasi ladang, status penternak serta amalan penternakan di lapangan.

"Data yang lengkap dan berintegriti akan membantu kerajaan negeri dalam aspek pembangunan industri, pengurusan penyakit, penyediaan bantuan dan pemananaan program jabatan secara lebih berkesan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	HARAKAH	SELANGOR	17

Pesawah terhimpit, desak semak subsidi, harga lantai

SHAH ALAM: Pesawah padi kini berdepan tekanan kos tinggi sehingga menanggung kerugian hampir setiap musim, susulan kenaikan harga minyak dan input pertanian.

Ustaz Mohd Razali Saari (PN-Sungai Panjang) berkata, kos keseluruhan penanaman padi boleh mencecah lebih RM10,000 bagi satu kitaran, namun hasil sekitar lima tan hanya memberi pulangan kira-kira RM7,500.

“Realiti di lapangan menunjukkan bahawa para petani kini sedang berdepan dengan tekanan kos yang tinggi sehingga terpaksa menanggung kerugian hampir setiap musim penanaman padi,” katanya ketika membahaskan Titah Diraja di DUN Selangor.

Menurutnya, keadaan itu membuktikan pesawah sebenarnya menanggung beban sekuriti makanan negara dengan keringat dan kerugian sendiri, seka-



Mohd Razali Saari

li gus menolak persepsi bahawa mereka hidup selesa melalui subsidi.

Beliau turut membangkitkan isu ketidakseimbangan pasaran, kenaikan harga baja dan racun, serta monopoli jentera yang menambah beban pesawah khususnya di Sabak Bernam.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan semakan subsidi, kenaikan harga lantai padi, kawalan harga input serta peluasan me-

kanisasi.

Selain itu, beliau turut menyentuh isu tanah di Parit 5 hingga Parit 8 yang masih belum diselesaikan serta menegaskan kepentingan kerajaan negeri mematuhi titah Sultan Selangor.

“Sekiranya titah ini tiada tarikh luput, maka semua titah terdahulu juga perlu dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan kerajaan dilabel sebagai derhaka,” katanya.

Exco dan MB dicabar turun berjumpa dengat masalah rakyat

Isu padi: 'Tak nampak rombongan kereta hitam'

Oleh ZAID ADHAR

IPOH: Isu berkaitan industri padi, sistem pengairan serta kos pengeluaran pesawah terus menjadi tumpuan perbincangan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak apabila ia dibangkitkan oleh Razman Zakaria (PN-Gunung Semangol).

Razman berkata, beliau sudah beberapa kali mengajak Ahli Parlimen, termasuk bekas Ketua Pembangkang Parlimen, Dato' Seri Hamzah Zainuddin.

Menurutnya, mereka turun sendiri bertemu rakyat bagi melihat masalah di lapangan, namun yang belum kelihatan kehadiran adalah rombongan Exco dan Menteri Besar Perak.

"Sudah dua kali jumpa, saya ajak ahli Parlimen kita turun, Ketua Pembangkang sama turun, kita berjumpa. Saya belum nampak rombongan kereta hitam, Exco dan MB turun berjumpa dengat masalah rakyat.

"Belum nampak. Laporan (dibentang kerajaan) nampak cantik. (Baru-baru ini) saya (turun) untuk melihat bagaimana kami hendak buat, yang ada pun tidak boleh diselenggara. Parit yang ada air tidak boleh lalu," tempelak beliau.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Titah Sultan Perak sempena Istiadat



Suasana Sidang DUN Perak ketika perbincangan antara Ketua Pembangkang, Razman Zakaria dan Menteri Besar, Dato' Seri Saarani Mohamad.

Pembukaan Rasmi Tahun Keempat pada Persidangan Dewan Negeri di Bangunan Darul Ridzuan, di sini baru-baru ini.

Razman turut menegaskan, kesan industri padi semakin membebankan pesawah termasuk isu pengairan dan perparitan yang tidak sempurna, selain peningkatan kos input seperti baja dan jentera.

"Industri padi ini amat terkesan. Sebelum ada krisis pun kita sudah menghadapi berbagai masalah. Setiap (kali) sidang, kita bangkitkan isu ini. Isu beras, isu pesawah sampai

sekarang belum selesai.

"Pengairan dan perparitan tidak sempurna. Kos input baja jentera terus meningkat. Pemotongan hasil tidak menentu dan sampai sekarang tidak ditangani," bidas beliau.

Razman turut memaklumkan, beliau sendiri telah beberapa kali turun bertemu pesawah yang berhadapan tekanan kos pengeluaran tinggi sehingga mengalami kerugian setiap musim.

"Dalam tempoh sebulan ini, sudah tiga kali saya turun berjumpa pesawah, tengok muka, tengok air mata pesawah. Kos

pengeluaran meningkat dari RM2,000 ke RM3,000 sehektar, sedangkan harga ditetapkan kerajaan RM1,500.

"Setiap kali pengeluaran, mereka defisit. Persatuan pesawah pun buat kenyataan, kalau begini setiap kali kalau mereka buat bendang mereka akan mengalami kerugian," dedah beliau.

Menurutnya lagi, keadaan itu turut menjejaskan penyedia perkhidmatan jentera yang akhirnya tidak mampu menanggung hutang apabila hasil pesawah tidak mencukupi.

"Jentera yang bantu mereka bagi hutang, bila tidak ada hasil, mereka tidak boleh bayar hutang. Akhirnya, mereka berhenti memberi perkhidmatan," tegasnya.

Razman yang juga Ketua Pembangkang DUN Perak turut memberi amaran bahawa jika tiada campur tangan kerajaan, pesawah mungkin berhenti mengusahakan sawah.

"Kalau tidak ada 'intervention' daripada kerajaan, mereka akan berhenti buat bendang. Kalau berhenti buat bendang, apa kesan kepada negeri Perak? Kita tak payah tengok lain, kita tengok negeri Perak," tegasnya.

Razman kemudiannya men-

cadangkan agar keutamaan diberikan kepada pengeluaran beras tempatan di negeri Perak bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

"Saya menyarankan kepada Yang Amat Berhormat Kota Tampan sebagai Ketua Pentadbiran negeri, kita pastikan dahulu pengeluaran beras dalam Negeri Perak untuk menangani ekonomi yang ada semasa ini.

"Sekurang-kurang (bila) beras keluar dari negeri Perak, orang Perak dapat membeli harga beras tempatan dengan RM26. Kita pastikan yang ini ada dahulu.

"Sebab itu saya pernah mencadangkan Perak keluaran beras sendiri.

"Kita dalam negeri Perak, pengeluaran beras sudah menghampiri 90 peratus, berti hanya 10 peratus yang perlu diimport.

"Dato' Seri apa semua tu memanglah tidak makan beras ni, yang itu tidak apa lah terkecuali 90 peratus orang dapat.

"Tapi kalau 90 peratus orang Perak boleh beli beras dengan harga RM26 bukan RM36, banyak (perkara) kita boleh selesaikan dalam keadaan ekonomi semasa ini. Saya cadangkan, beri perhatian isu ini dahulu," katanya.

Khalil: Zakat & wakaf boleh ubah nasib pesawah

Oleh Zaid Adhar

IPOH: Ustaz Khalil Yahya (PN-Kubu Gajah) menarik perhatian terhadap model dilaksanakan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui penggunaan instrumen zakat dan wakaf dalam memperkasa sektor pertanian.

Beliau menjelaskan, model itu memperlihatkan bagaimana dana zakat tidak hanya diagihkan secara konsumtif, sebaliknya dimanfaatkan untuk penyediaan produk termasuk pengeluaran jentera pertanian.

Menurutnya, ia termasuk latihan kemahiran, sokongan modal serta pembangunan rantai nilai daripada pengeluaran hingga ke peringkat pemasaran.

"Sebagai contoh, melalui inisiatif seperti program 'Smart Sawah' dan 'Projek Hassan', pesawah bukan sahaja dibantu dari segi kos operasi seperti penggunaan jentera yang mengurangkan kos sehingga ribuan ringgit setiap musim, malah turut dibimbing menjadi usahawan tani yang lebih berdaya mampan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Titah Sultan Perak sempena Istiadat



Khalil Yahya

Pembukaan Rasmi Tahun Keempat pada Persidangan Dewan Negeri di Bangunan Darul Ridzuan, di sini kelmarin.

Sehubungan itu, beliau mengemukakan beberapa langkah mitigasi utama termasuk mewujudkan Dana Intervensi Pertanian negeri berasaskan konsep zakat dan wakaf bagi menyediakan aset produktif seperti jentera, dron

dan sistem pengairan pintar kepada pesawah kecil.

Beliau menyatakan, langkah kedua ialah membangunkan ekosistem sokongan menyeluruh melibatkan latihan teknikal, pemindahan teknologi serta jaminan pasaran bagi mengelakkan petani terperangkap dengan orang tengah.

"Kita takut macam disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah bahawa ada kartel-kartel di ladang atau di sawah-sawah padi. Kita bimbang di negeri Perak pun ada," ujarnya.

Beliau turut mencadangkan supaya kerjasama strategik diperkukuhkan antara agensi kerajaan negeri, institusi zakat, institusi kewangan Islam dan pihak swasta bagi memastikan pembiayaan serta pelaksanaan program bersifat holistik dan berimpak tinggi.

Selain itu, jelasnya, model 'From Asnaf to Muzakki' perlu diperkenalkan bagi mengangakat golongan pesawah miskin menjadi pengeluar yang akhirnya mampu menyumbang semula kepada ekonomi dan sistem zakat.

"Langkah seterusnya ialah memastikan aspek pentadbi-

ran urus yang telus, pementauan berterusan serta penilaian impak dilaksanakan agar setiap peruntukan benar-benar sampai dan memberi kesan kepada kumpulan sasaran," tambahnya.

Beliau berpandangan, pendekatan itu bukan sahaja selari dengan prinsip maqasid syariah, malah berupaya mengurangkan kebergantungan kepada import makanan serta meningkatkan keterjaminan makanan negeri secara menyeluruh.

"Jika model ini berjaya dilaksanakan secara serius dan berskala besar di Perak, kami yakin negeri ini bukan sahaja mampu bertahan status sebagai jelapang padi.

"Malah berpotensi menjadi model nasional dalam penguurusan krisis makanan berasaskan pendekatan Islam yang inklusif dan mampan," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa Perak sebagai negeri jelapang padi kelima terbesar negara diangkat sebagai negeri pengeluar padi utama, namun realiti di lapangan tidak seindah disangka apabila pesawah masih dibe-

lenggu masalah berulang.

Beliau menjelaskan isu dihadapi termasuk sistem pengairan, kos baja yang meningkat, masalah benih padi, insentif yang lambat disalurkan serta tekanan kos jentera akibat kenaikan harga diesel.

"Pesawah masih berhadapan kerugian setiap musim akibat kos input yang tidak stabil, selain masalah perairan dan kelewatan bantuan sebagaimana pernah dilaporkan oleh Pertubuhan Peladang Negeri Perak.

"Kita tidak rungsing ke manakah perginya sumber kekayaan yang sepatutnya dirasakan oleh para pesawah atas nikmat suburnya tanah yang Allah Taala bagi kepada kita," ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau menekankan kerajaan perlu mengenal pasti kelompongan yang berlaku dan memperbetulkan tatakelola bagi mengelakkan pembaziran sumber sehingga merugikan pesawah.

"Mereka adalah 'frontliner' yang bekerja untuk memastikan nasi yang kita makan sentiasa ada. Sewajarnya mereka ini dibela dan diberi perhatian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	HARAKAH	PERAK	16

Hakisan perlombongan pasir jejas tanah pertanian rakyat

Seru kerajaan tingkatkan pemantauan aktiviti

Oleh **ZAID ADHAR**

IPOH: Dr Najihatussalehah Ahmad (PN-Bota) mengharapkan kerajaan menjalankan kajian serta mempertingkatkan audit terhadap aktiviti perlombongan pasir di sepanjang Sungai Perak.

Beliau sehubungan permasalahan itu juga mengemukakan cadangan supaya kerajaan menyenaraikan pemegang lesen bersama kawasan operasi yang sedang dijalankan.

Di samping itu menurutnya, kerajaan juga perlu memastikan penguatkuasaan dan pemantauan berkala dilaksanakan terhadap aktiviti pengeluaran pasir.

"Satu isu yang sering dipinggirkan tetapi amat kritikal iaitu aktiviti perlombongan pasir haram dan berlebihan di Sungai Perak (walaupun memberi kesan kritikal kepada alam sekitar



Dr Najihatussalehah Ahmad

dan kehidupan rakyat)," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Titah Sultan Perak sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Tahun Keempat pada Persidangan Dewan Negeri di Bangunan Darul Ridzuan, di sini se-

malam.

Ujarnya, hakisan tebing sungai akibat pengeluaran pasir secara berleluasa menyumbang kepada peningkatan risiko banjir, kehilangan sumber air bersih serta kemusnahan ekosistem sungai.

Tambah beliau, keadaan

“Turut berlaku gangguan ketenteraman termasuk bunyi bising kepada penduduk yang tinggal berhampiran kawasan pam pasir.”

itu memberi kesan langsung kepada penduduk di kawasan sepanjang Sungai Perak termasuk Bota, Belanja, Kampung Gajah dan Pasir Salak.

"Orang Bota yang bimbang tentang perlombongan pasir ini telah menyebabkan hakisan tebing sungai yang melibatkan tanah-tanah pertanian mereka.

"Ada juga hakisan sungai itu berlaku hampir dengan rumah mereka yang terletak di tepi Sungai Perak," jelasnya.

Beliau mengakui industri perlombongan pasir menyumbang kepada hasil negeri dan pembangunan ekonomi, namun menegas-

kan kesan terhadap penduduk setempat tidak boleh diabaikan.

Katanya yang juga Ketua Dewan Muslimat PAS Negeri Perak, selain hakisan, keadaan jalan kampung turut terjejas akibat pergerakan lori berat yang keluar masuk membawa pasir.

"Turut berlaku gangguan ketenteraman termasuk bunyi bising kepada penduduk yang tinggal berhampiran kawasan pam pasir," katanya lagi.

Menurut beliau, isu berkenaan bukan sekadar persepsi, sebaliknya realiti yang sedang dihadapi oleh rakyat di kawasan terbabit.

Mengapa pesawah Kedah tetap mahu buat bendang?

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: Pendirian para petani yang komited mengabdikan diri mengerjakan sawah padi, amat dikagumi walaupun mereka akur industri tersebut tidak mampu menjana kekayaan.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, itu membuktikan rakyat Kedah khususnya para petani mempunyai jiwa yang cekal dan hebat.

"Saya merasa terharu apabila saya tanya, alasan mereka kenapa masih meneruskan pekerjaan sebagai Pak Tani. Jawapannya adalah kerana hendak keluaran zakat. Mulianya jawapan orang buat bendang ni. Hebat orang Kedah ni," kata beliau.

Ujarnya, atas komitmen dan kesungguhan Pak Tani itulah yang menjadikan Kedah terus menjadi penyumbang utama bekalan beras kepada negara iaitu sebanyak 43 peratus.

Justeru, sebagai Menteri Be-



Muhammad Sanusi Md Nor

sar katanya, orang-orang berjiwa mulia sedemikian perlu disantuni serta dibantu kerana bukan sahaja mengundang keberkatan Allah SWT, sebaliknya, menjadi pembantu untuk meneruskan kelangsungan pentadbiran negeri

walaupun dengan keupayaan yang terhad.

Kerajaan Negeri katanya, masih memilih untuk mengekalkan sebahagian besar kawasannya bagi tujuan pertanian.

Hal tersebut ujarnya, walaupun pada 6 September 2025 lalu, Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah bersetuju membenarkan pembangunan sebahagian kawasan jelapang padi, khususnya di Alor Setar bagi merangsang ekonomi negeri.

Kawasan tersebut katanya adalah kawasan tanaman padi yang dizonkan sebagai kawasan pembangunan di bawah Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kota Setar, Kubang Pasu, Pendang dan Yan berkeluasan 10,677.97 hektar.

Menurut beliau, ia termasuk 4,995.48 hektar kawasan tanaman padi lain yang berpotensi untuk dibangunkan.

"Jika ditukar kepada status komersial, hasil boleh mencah sehingga RM1.7 bi-

lion, jika dibandingkan dengan cukai tanah pertanian murah iaitu RM2.5 juta sahaja.

"Tetapi kita tidak lakukan kerana keutamaan adalah jaminan bekalan makanan negara. Dalam masa yang sama, kita juga perlu mengekalkan kira-kira 8,694 hektar kawasan jelapang yang bertindih dengan projek Penanaman Padi Lima Kali Dua Tahun yang bernilai RM5 bilion," jelas beliau lagi.

Justeru kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Negeri itu, pihaknya amat berharap agar permohonan insentif fiskal sebanyak RM200 juta setahun dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Kerajaan Persekutuan sebagai bayaran pampasan.

Ini sejajar katanya, dengan pengorbanan Kedah yang mengekalkan kawasan pertanian padi dan hutan simpan, sekali gus menghadkan potensi hasil negeri tersebut.

"Kedah membekalkan kira-kira 43 peratus keperluan

beras negara. Keupayaan negeri ini terhad kerana Kedah bukan dalam kategori negeri kaya.

"Insentif RM200 juta ini, bila dapat kita nak menjaga kebajikan pesawah yang ramai, kerana industri ini tidak menjanjikan pulangan besar," katanya lagi.

Katanya juga, permohonan rasmi insentif fiskal itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada 11 Mei 2023, namun sehingga kini masih belum mendapat pertimbangan muktamad.

Malah hal tersebut turut mendapat perhatian Sultan Kedah, Al-Aminul Karim, Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah dalam titah ucapan baginda sempena Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, 13 April lalu.

Justeru kata Sanusi lagi, pihaknya akan terus bersuara kerana pengorbanan ini hanya akan berbaloi dengan bayaran insentif fiskal yang setimpal.

Padi farmers concerned by heatwave

Pre-El Nino weather sparks worry over low water levels

By IMRAN HILMY and LO TERN CHERN
north@thestar.com.my

ALOR SETAR: Northern states are already grappling with hot and dry conditions ahead of any official El Nino declaration, sparking concerns for the first padi planting season that began on April 15.

Worries are mounting among farmers as water levels in key reservoirs continue to decline.

As of yesterday, total storage across the three dams under the Muda Agricultural Development Authority (Mada) stood at just 38.46% of capacity.

Pedu Dam recorded 39.39%, down sharply from 69.83% a year ago, while Muda Dam fell to 8.56% from 53.80%.

Ahning Dam stood at 51.58%, compared with 73.36% previously.

With overall levels dipping below the 40% threshold required for large-scale irrigation, Mada said water releases would be capped at 19,800 litres per second and prioritised strictly for domestic use.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said the authority is

urging farmers to adopt a hybrid planting approach, combining dry direct seeding with opportunistic use of rainfall.

"We urge farmers to retain and maximise any rainfall on their fields," he said, adding that they should manage water carefully, maintain field embankments, and stay alert to weeds and pest infestations amid limited supplies.

On the ground, farmers are already feeling the strain.


Mohd Fauzi Hussain, 48, said some padi farmers have delayed planting due to insufficient water flow from Sungai Muda.

"But we must start soon. If not, harvesting may fall during the rainy season, which will reduce both yield and quality," he said.

Abdul Kadir Ismail, 69, said erratic weather patterns are fueling concerns about delays and lower output.

"The planting season was supposed to begin last month, but some of us have not been able to start yet.

"It is even more challenging for farmers whose fields are far from rivers or irrigation channels, as they have to rely on diesel-powered pumps," he said.



Drying rivers: Water levels at the Muda Dam are dangerously low.
— CHAN BOON KAI/The Star

The heat is also intensifying. Perlis and several districts in Kedah, including Kubang Pasu, Pendang, Kota Setar and Padang Terap, have recorded Level 1 hot weather alerts by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) - triggered when temperatures reach between 35°C and 37°C for at least three consecutive days.

Universiti Sains Malaysia atmospheric physicist Assoc Prof Dr Yusri Yusup said the current spell is driven by seasonal wind changes and transitional weather patterns.

"We are transitioning from the north-east monsoon to the southwest monsoon, which typically brings weaker winds, reduced but intermittent rainfall and warmer temperatures," he said. Yusri noted that temperatures



in Penang have risen by 1°C to 2°C since January.

While notable, he said conditions remain within a neutral El Nino-Southern Oscillation phase for now.

"It is not El Nino yet, but conditions may gradually trend towards it by mid-2026, extending

into the southwest monsoon period," he said.

Yusri added that the ongoing inter-monsoon phase from March to May will still bring some rainfall, offering temporary relief, but drier and warmer conditions are expected to intensify from June onwards.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

PGA rampas 100 ekor biri-biri bernilai RM120,000

KOTA BHARU - Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan seorang pemandu lori dan merampas 100 ekor biri-biri dianggarkan bernilai RM120,000 dalam satu sekatan jalan raya di Pengkalan Kubor, Tumpat, Isnin lepas.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, operasi pada 11.30 malam itu dilaksanakan oleh Batalion 9 PGA menerusi Ops Taring Wawasan Kelantan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

Beliau berkata, lelaki berusia 44 tahun itu ditahan selepas memandu lori jenis Isuzu dalam keadaan mencurigakan di sekatan jalan raya Neting.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu menemukan 100 ekor biri-biri di bahagian belakang lori.

"Suspek turut mengemukakan dokumen kebenaran pemindahan ternakan, namun terdapat ketidakpadanan nombor *seal* dengan dokumen yang dikemukakan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, suspek bersama lori dan kesemua ternakan telah ditahan untuk siasatan lanjut, dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM270,000 melibatkan lori bernilai RM150,000 dan ternakan tersebut.

"Kes dirujuk kepada JPV Kelantan untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Siasatan awal mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah dan mendakwa tidak mengetahui ketidakpadanan *seal* kerana urusan dokumentasi dikendalikan pihak lain," katanya. - *Bername*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	10

PGA rampas 100 biri-biri RM120,000

Kota Bharu: Pasukan Gerakan Am (PGA) menahan seorang pemandu lori dan merampas 100 ekor biri-biri dianggarkan bernilai RM120,000 dalam sekatan jalan raya di Pengkalan Kubor, Tumpat, Isnin lalu.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, operasi pada jam 11.30 malam itu dilaksanakan oleh Batalion 9 PGA menerusi Ops Ta-

ring Wawasan Kelantan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kelantan.

Di samping itu, beliau berkata, lelaki berusia 44 tahun itu ditahan selepas memandu lori jenis Isuzu dalam keadaan mencurigakan di sekatan jalan raya Neting.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu menemukan 100 ekor biri-biri di bahagian belakang lori.

Suspek turut mengemukakan dokumen kebenaran pemindahan ternakan, namun terdapat ketidakpadanan nombor *seal* dengan dokumen yang dikemukakan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, suspek bersama lori dan kesemua ternakan telah ditahan untuk siasatan lanjut dengan nilai keseluruhan rampasan dianggar RM270,000

melibatkan lori bernilai RM150,000 dan ternakan tersebut.

"Kes dirujuk kepada JPV Kelantan untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953, manakala siasatan awal mendapati suspek tidak mempunyai rekod jenayah dan mendakwa tidak mengetahui ketidakpadanan *seal* kerana urusan dokumentasi dikendalikan pihak lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Gudang sejuk beku jadi 'topeng' seludup daging babi

Oleh MASZUREEN HADZMAN
 utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Kegiatan licik tiga premis perniagaan yang dipercayai menyimpan pelbagai produk sejuk beku, termasuk sejumlah besar daging babi yang dibawa masuk secara haram, terbongkar selepas diserbu semalam.

Sebahagian produk berkenaan disyaki diseludup dan diragui dari segi status keselamatan serta pematuhan terhadap peraturan kesihatan.

Serbuan menerusi Op Chiller Taring itu dijalankan Biro Jenayah Hidupan Liar/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman di sekitar Taman Usahawan Kepong di sini.

Hasil serbuan itu, antara yang dirampas ialah karkas babi seberat 15,205.30 kilogram, daging itik sejuk beku (271.03 kg), dua peti sejuk beku, minyak masak (1,196 kg) serta tepung (110 kg).

Selain itu, sebuah premis turut disita oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Nilai rampasan bagi karkas babi dianggarkan mencecah RM532,185.50 diikuti daging itik (RM9,486.05), peti sejuk beku (RM2,000), minyak masak (RM2,990) dan tepung (RM330).

Secara keseluruhan, jumlah anggaran nilai rampasan adalah sebanyak RM546,991.50, manakala nilai sebenar diang-



SEBUAH gudang menyimpan ribuan produk sejuk beku seludup di Taman Usahawan Kepong, Kuala Lumpur.

garikan RM541,671.50.

Komander WCB/PSK JKDNKA Bukit Aman, Datuk Mohd Zaki Ashar berkata, serbuan dijalankan ekoran aduan dan risikan mengesyaki tiga premis terbabit menyimpan produk sejuk beku yang diseludup ke negara ini.

Menurut beliau, serbuan di premis pertama menemukan sejumlah besar produk babi sejuk beku yang sebahagian daripadanya dipercayai diimport tanpa kebenaran.

"Pemeriksaan mendapati

premis ini beroperasi secara sah namun kita menjalankan semakan lanjut ke atas produk babi sejuk beku yang disimpan di premis terbabit.

"Premis ini mengedarkan produk babi sejuk beku untuk keperluan peniaga dan pengusaha premis makanan sekitar ibu kota. Rampasan dilakukan untuk tujuan siasatan lanjut," katanya.

Mohd Zaki berkata, operasi hari ini turut disertai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KDPN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Tambah beliau, seramai tujuh individu termasuk tiga pekerja warga asing yang dikesan tiada dokumen sah turut ditahan dalam tiga serbuan itu termasuk warga tempatan.

Mohd Zaki berkata, pemeriksaan di premis lain turut menemukan pelbagai produk sejuk beku selain beberapa kesalahan berkaitan lesen dan permit.

"Dalam satu lagi premis perniagaan yang diserbu, pihak KPDN menemui kira-kira 40 kotak minyak masak yang disimpan tanpa kebenaran.

"Premis berkenaan didapati tidak mempunyai lesen perniagaan dan mendakwa baru beroperasi kira-kira dua tahun," katanya.

Katanya, premis terbabit turut didapati menyimpan produk babi sejuk beku dan semakan lanjut sedang dijalankan pihak DVS untuk mengesahkan status produk sama ada ia diseludup dari negara luar atau produk tempatan.

"Dalam pemeriksaan di premis ketiga, kita menemukan sejumlah produk itik sejuk beku yang disyaki diseludup masuk dari negara China, bagaimanapun semakan lanjut sedang dijalankan oleh DVS.

"Soal siasat lanjut sedang dijalankan ke atas pemilik perniagaan terbabit termasuk daripada mana sumber produk itu diperolehi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Ikon tanaman cili pasrah kebun musnah dijilat api

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH
WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

BESUT: Seorang usahawan yang dikenali sebagai ikon penanaman cili di Terengganu pasrah apabila kebun cili besar merah yang diusahakannya secara fertigasi sejak tujuh tahun lalu, musnah dalam kebakaran baru-baru ini.

Wan Mohd. Nazmi Wan Mohd. Najib, 40, berkata, kejadian itu mengakibatkannya kerugian kira-kira RM300,000 selepas 10,000 polibegi bersama sistem pengairan dan fasiliti tanaman itu yang baru siap dibaik pulih pada Februari lalu, musnah tanpa sempat digunakan.

"Kebakaran ini dikatakan berpunca daripada kebakaran hutan Gelam yang terletak kira-kira satu kilometer dari kebun saya. Faktor cuaca terlampau panas dan angin mengakibatkan api cepat merebak sehingga ke kebun cili saya.

"Kebakaran itu memusnahkan kira-kira 1.2 hektar dari pada empat hektar kebun saya. Selain itu, kawasan yang terbakar sepatutnya mula beroperasi kembali pada minggu depan selepas beberapa bulan proses



WAN Mohd. Nazmi Wan Mohd. Najib menunjukkan polibeg untuk penanaman cili baharu musnah dalam kebakaran di kebunnya di Gong Machang dekat Kampung Beting Lintang, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

baik pulih dilakukan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Gong Machang dekat Kampung Beting Lintang, di sini.

Menurutnya, api sempat dikawal daripada terus merebak dengan bantuan pasukan bomba dan orang kampung.

Katanya, jika tidak dapat dikawal, api tersebut mampu

memusnahkan keseluruhan kebunnya itu dalam sekelip mata.

"Tanaman cili ini saya bahagikan mengikut beberapa plot. Kebetulan plot sebelumnya baru sahaja habis tuaian awal bulan lalu dan dijadual tanaman baharu pada plot di kawasan terbabit, namun tidak

sempat kerana musnah dalam kebakaran.

"Kebiasaannya selepas tuaian, plot-plot melibatkan direhatkan beberapa bulan sebelum penanaman semula, tetapi kali ini terpaksa menanamnya kembali bagi menggantikan sementara lokasi yang terbakar," katanya lagi.